



ثجابت ستياوسها كراجان جوهر بهاكين خدمت قشوروسن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
ARAS 1, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,  
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Telefon: Pejabat Am: 07-266 6070/71

Faks: 07-290 9955 (TSUK)/07-290 9022 (Pentadbiran)/07-290 8077 (Kewangan)

Laman Web: www.johor.gov.my/sukj

Rujukan Kami : SUKJ.BKP.100-1/3/3 JLD. 2 (16)  
Tarikh : 30 Ogos 2022

**Semua Jabatan Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor**  
**Semua Badan Berkanun Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Agensi Swasta dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan**

Yang Berhormat Dato' / Yang Berhormat Datin Paduka / Ydh Dato' / YAA / YM Ungku / Tuan / Puan,

### HARI KELEPASAN AM NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM BAGI TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor di mesyuaratnya pada 10/8/2022 menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil 741/2022 iaitu Kertas Bil. (2) telah **BERSETUJU** dengan Hari-Hari Kelepasan Am Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2023 sebagaimana di Lampiran.

3. Bersama-sama ini dilampirkan senarai Hari Kelepasan Am Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2023 untuk makluman dan tindakan Yang Berhormat Dato' / Yang Berhormat Datin Paduka / Ydh Dato' / YAA / YM Ungku / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI MOHD NOH BIN IBRAHIM)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. Setiausaha Kerajaan Johor

DHMNI/FJ/NFJ/MAS/fatin/ SUKJ.BKP.100-1/3/3 JLD. 2

Lampiran

**JADUAL HARI KELEPASAN AM NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM  
BAGI TAHUN 2023**

BIL	HARI KELEPASAN AM	TARIKH	HARI
1	Tahun Baru Cina	22 Januari	Ahad
	Tahun Baru Cina (Hari Kedua)	23 Januari	Isnin
2	Hari Thaipusam **	5 Februari	Ahad
3	Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor **	23 Mac	Khamis
4	Awal Ramadhan **	23 Mac	Khamis
5	Hari Raya Puasa *	22 April	Sabtu
	Hari Raya Puasa (Hari Kedua)	23 April	Ahad
6	Hari Pekerja	1 Mei	Isnin
7	Hari Wesak	4 Mei	Khamis
8	Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong	5 Jun	Isnin
9	Hari Raya Qurban *	29 Jun	Khamis
10	Awal Muharram (Ma'al Hijrah)	19 Julai	Rabu
11	Hari Hol Almarhum Sultan Iskandar **	23 Ogos	Rabu
12	Hari Kebangsaan	31 Ogos	Khamis
13	Hari Malaysia	16 September	Sabtu
14	Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. (Maulidur Rasul)	28 September	Khamis
15	Hari Deepavali *	12 November	Ahad
16	Hari Krismas	25 Disember	Isnin

**Catatan :**

\* Tertakluk kepada pindaan

\*\* Hari Kelepasan Am Negeri

**Peringatan :**

Apabila hari kelepasan itu jatuh pada hari kelepasan Mingguan (Jumaat), maka hari tersebut digantikan dengan Hari Ahad dan jika hari Ahad itu pula sedia menjadi hari kelepasan, maka hari yang berikutnya dijadikan Hari Kelepasan Am.